



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/B/0001  
**Tarikh** : 10 September 2015

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 9 TAHUN 2015**

**KEMUDAHAN BUKU RAWATAN PERUBATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman tuan/puan, bahawa setiap anggota LGM telah dibekalkan dengan Buku Rawatan Perubatan. Sehubungan itu pihak tuan/puan perlu memastikan bahawa setiap kali ingin mendapatkan rawatan di klinik, tuan/puan perlu mengemukakan **Buku Rawatan Perubatan**. Justeru kegagalan tuan/puan membawa buku rawatan tersebut, maka kos rawatan perlu ditanggung sendiri terlebih dahulu.

3. Adalah diingatkan bahawa kemudahan rawatan di klinik-klinik panel LGM adalah hanya untuk **rawatan biasa** sahaja. Bagi rawatan pakar serta pembekalan ubat-ubatan pakar (specialist medication) atau ubat berkala (ubat darah tinggi, ubat kencing manis, vitamin, ubat tambahan dan lain-lain) serta ujian kehamilan dan perkhidmatan haruslah dirujuk ke hospital kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Kreatif, Inovatif, Progresif”**

**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k Y. Brs Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Ketua Unit Pentadbiran  
Ketua Unit Kewangan dan Akaun